

27 AUG 2001

Agong-Megawati

BANYAK PELUANG KERJASAMA ANTARA M'SIA DAN INDON, TITAH AGONG

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Masih terdapat banyak peluang kerjasama yang boleh dikenalpasti untuk merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dan Indonesia ke tahap yang lebih tinggi dan bermakna, titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah malam ini.

Seri Paduka bertitah proses globalisasi telah membawa banyak perubahan kepada suasana politik dan ekonomi dunia yang secara langsung mempamerkan kesan-kesan negatif yang boleh menggugat kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Menyedari hakikat itu, titah Seri Paduka, adalah perlu kedua-dua negara terus memupuk dan meningkatkan lagi kerjasama yang erat di semua peringkat dan bidang bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran bersama.

Sultan Salahuddin bertitah demikian pada majlis santapan malam untuk meraikan Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri di Istana Negara di sini.

Megawati memulakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia bermula hari ini dan beliau diiringi oleh rombongan 60 anggota termasuk suaminya Taufiq Kiemas.

Rombongan Megawati tiba dari Singapura hari ini dan ini adalah peringkat akhir lawatannya selama lapan hari yang meliputi sembilan negara anggota Asean.

Yang turut hadir pada majlis santapan ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sultan Salahuddin berharap mekanisme yang telah ditubuhkan seperti Suruhanjaya Bersama dan Jawatankuasa Sempadan akan memainkan peranan penting bagi memantapkan lagi hubungan dan kerjasama serta menjadi saluran rasmi mencari penyelesaian bagi sebarang masalah.

Seri Paduka bertitah bahawa kedua-dua negara harus bertekad dan berazam tinggi untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada kedua-dua pihak.

"Atas kesedaran ini, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani beberapa perjanjian kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala dan perjanjian tersebut telah membuahkan hasil yang memuaskan," katanya.

Sultan Salahuddin bertitah selaras dengan hubungan dua hala yang baik, nilai perdagangan telah bertambah daripada AS\$578.9 juta dalam tahun 1990 kepada AS\$3.10 bilion dalam tahun 2000.

Titah Seri Paduka, Malaysia merupakan pelabur ke-11 terbesar di Indonesia dengan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah AS\$3.3 bilion melibatkan 410 projek.

"Selain usaha memperluaskan lagi skop kerjasama, kedua-dua negara juga terus bekerjasama untuk memajukan kawasan sempadan di bawah konsep kerjasama Segitiga IMT-GT, IMS-GT dan Kawasan Pertubuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA)," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah, Malaysia menyokong usaha kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Megawati ke arah membawa keamanan dan kemakmuran negara dan yakin bahawa kedaulatan bangsa dan negara terus terpelihara.

Dalam ucapannya, Megawati berkata Malaysia dan Indonesia mempunyai asas yang teguh dan sangat berharga untuk memperluas dan mengukuhkan hubungan dua hala mereka.

Beliau berkata kedua-dua negara mampu menyelesaikan masalah bersama mereka dengan semangat dan keazaman yang kental.

Kedua-dua negara perlu mengakui bahawa mereka telah mengalami jatuh bangun di dalam hubungan mereka dan ada kala bertindak secara rasional tetapi ada kala juga telah bertindak mengikut emosi, katanya.

"Kesanggupan dan keberanian kita untuk belajar daripada kelemahan dan kesilapan di masa lampau akan dapat menggiatkan keupayaan kita ke arah menyumbang kepada keamanan dan kemajuan dunia sejagat," katanya.

Megawati berkata menerusi Suruhanjaya Bersama dan Jawatankuasa Sempadan kedua-dua negara boleh membincangkan pelbagai isu, termasuk keselamatan dan perkara yang menyentuh bidang sosio-ekonomi.

Beliau berkata rundingan dua hala yang diadakan sebelum ini akan dijadikan dorongan bagi para pegawai untuk berusaha lebih gigih bagi menyelesaikan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama bagi faedah kedua-dua buah negara.

Dalam rangka kerja kerjasama Asean, beliau menekankan perlunya diperkukuhkan kestabilan nasional, mengekalkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya saingan serantau dan menggalakkan kerjasama di antara negara anggota.

"Saya berpendapat bahawa Asean akan dapat menghadapi cabaran-caraban ini jika ia kekal stabil, bersatu dan mempunyai wawasan yang jelas," katanya.

Beliau berharap lawatannya akan dapat membantu mengukuhkan hubungan yang sedia ada di antara kedua-dua buah negara.

-- BERNAMA

DC DC AKD